

# Tahap imuniti turun antara punca kes naik

## Penjarakan fizikal, pakai pelitup muka perlu dipantau berterusan

Oleh Suraya Roslan dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tahap imuniti sama ada secara semula jadi atau daripada vaksin berkemungkinan sudah menurun antara penyebab angka kes harian baharu COVID-19 setakat kelmarin mencecah 5,230, tertinggi sepanjang tempoh seminggu.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, selain itu peningkatan kes juga disebabkan akibat mutasi virus asal.

“Pemantauan prosedur operasi standard (SOP) seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal dilihat semakin kurang diamalkan.

“Perkara ini memerlukan pemantauan yang berterusan dan sekiranya bergejala, lakukan uji-

an COVID-19 dan kuarantin sendiri,” katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, peningkatan kes didorong oleh pelbagai faktor antaranya pembukaan semula sempadan, penguurangan SOP, pembukaan semula tempat kerja dan sekolah seperti biasa yang menyebabkan peningkatan jangkitan dan infeksi baru terjadi.

“Bagaimanapun, Malaysia adalah terlindung kerana vaksin populasi tinggi dan imuniti jangkitan natural juga baik.

“Penurunan kesan vaksin apabila antibodi menurun mungkin berlaku, maka untuk rakyat rentan seperti warga emas, kanak-kanak dan mereka yang tinggi komorbiditi perlu mengambil suntikan penggalak (booster) kedua,” katanya.

Menurutnya, jangkitan yang semakin banyak terdiri daripada kes ringan kategori satu dan dua serta hanya beberapa saja kategori teruk dan kematian.

“Ini tidak akan seteruk gelom-

bang pertama dan kedua yang pernah berlaku pada 2020 dan 2021 lalu.

### Risiko jangkitan masih ada

“Bagaimanapun, kita perlu berhati-hati akan kemunculan subvarian baharu terutama jenis VOC dan tidak mengambil mudah kerana risiko jangkitan masih ada,” katanya.

Katanya, pemakaian pelitup muka, sanitasi masih perlu diteruskan untuk menurunkan risiko jangkitan.

“Jangkitan baru dijangka lebih berjangkit, tetapi tidak semestinya makin *virulens* (makin parah) dari yang sedia ada.

“Malah, beberapa pakar luar negara berpendapat semakin endemik virus ini akan lebih mudah merebak dan hanya me-

ngakibatkan gejala ringan melainkan beberapa golongan rentan yang perlu vaksin penggalak sekali lagi,” katanya.

Laman COVIDNOW melaporkan selepas tiga bulan, Malaysia kembali merekodkan pertambahan kes baharu lebih 5,000 iaitu 5,230 setakat kelmarin.



Dr Zainal Ariffin Omar


## TERKINI COVID-19

KES HARIAN

**+5,230**

JUMLAH KES

**4,613,998**



\* Data setakat jam 11:59 malam 15 Julai 2022

Kali terakhir negara merekodkan kes lebih 5,000 ialah pada 23 April lalu iaitu sebanyak 5,624 kes.

Pertambahan kes itu menjadikan sehingga kini jumlah kumulatif COVID-19 di negara ini meningkat kepada 4,613,998 kes sejak penularan wabak berkenaan di negara ini.

Kes baharu membabitkan 5,219 penularan tempatan dengan 11 import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Sehingga kini terdapat sejumlah 41,208 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini.

Daripada jumlah itu, 96.7 peratus atau 39,703 kes sedang menjalani kuarantin di rumah.

Selain itu, 1,411 kes atau 3.4 peratus pula sedang mendapat-

kan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (30), unit rawatan rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (20) dan ICU serta tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (40).

Dalam pada itu turut dilaporkan adalah sejumlah lapan kes kematian dicatatkan semalam sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini meningkat kepada 35,844 kes. Kes kematian yang dilaporkan iu termasuk satu kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Data turut menunjukkan sebanyak 2,927 kes sembuh dilaporkan.

Ia menjadikan sehingga kini 4,536,946 kes pulih sepenuhnya daripada jangkitan berkenaan.